

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan Perikatan Nasional berhasrat untuk menyempurnakan projek tebatan banjir Sungai Pinang di Jelutong yang telah dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang telah diluluskan dalam *Rolling Plan-2* (2017) Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dengan kos projek sejumlah RM150juta. Projek Lembangan Sungai Pinang ini akan diteruskan dalam RMKe-12.
2. Pada 1 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melantik Jurutera Perunding bagi kerja-kerja rekabentuk terperinci bagi menentukan rekabentuk dan opsyen kerja fizikal yang terbaik bagi menangani masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang.
3. Pelaksanaan kerja fizikal RTB Lembangan Sungai Pinang dijadual dilaksanakan pada pertengahan tahun 2021 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2025. Sekian, terima kasih.